


*Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan objektif.  
Jawab semua soalan.*

1. Soalan 1 dan 2 berdasarkan Peta 1.



Peta 1 : Lokasi Tamadun Awal Dunia

Namakan Tamadun C?

- A Hwang Ho
- B Indus
- C Mesir Purba
- D Mesopotamia

2. Apakah sistem tulisan yang digunakan dalam Tamadun C?

- A Ideogram
- B Hieroglif
- C Piktograf
- D Cuneiform

3. Sekiranya anda merupakan rakyat biasa, di manakah anda perlu melibatkan diri dalam sistem pemerintahan republik di Rom?

- A Juri
- B Ahli Majlis
- C Dewan Senat
- D Dewan Perhimpunan

4. Jadual berikut menunjukkan dua orang penulis dan penyajak yang terkenal di Rom.

Tokoh	Tahun
Cicero	106 - 43 S.M
Virgil	70 - 19 S.M

Jadual 1

Hasil kesusasteraan tokoh tersebut menyemai masyarakat yang bersifat

- A patriotik
  - B kesopanan
  - C kasih sayang
  - D tanggungjawab
5. Pernyataan berikut merupakan keistimewaan yang dimiliki oleh masyarakat maritim.

Penduduk maritim berdagang dengan masyarakat di luar kawasannya dan mampu belayar ke kawasan yang jauh.

Apakah kaedah yang digunakan untuk menuju ke sesuatu destinasi?

- A Mengkaji air pasang dan surut
  - B Mengikut arah tiupan angin
  - C Melihat bintang di langit
  - D Menggunakan arus laut
6. Petikan berikut menggambarkan penyesuaian pengaruh luar oleh masyarakat Asia Tenggara dengan budaya tempatan.

Masyarakat awal Asia Tenggara telah mengambil aspek-aspek kebudayaan India dan disesuaikan dengan budaya tempatan

Berdasarkan petikan tersebut, rumuskan nilai yang perlu dicontohi oleh generasi hari ini?

- A Memiliki pemikiran terbuka menerima perubahan
- B Memupuk semangat kekitaan dalam masyarakat
- C Mempertahankan tradisi budaya tempatan
- D Menjalinkan hubungan antara pelbagai kaum

7. Jadual berikut merujuk kepada peristiwa yang berlaku pada Zaman Jahiliah.

Peristiwa	Pihak terlibat
Peperangan al - Basus	Berlaku antara Bani Taghlib dengan Bani Bakar

Jadual 2

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat daripada peristiwa tersebut?

- A Semangat assabiah yang melampau  
 B Tidak mempunyai ilmu pengetahuan  
 C Kawasan petempatan mereka berbeza  
 D Mengamalkan perbuatan tidak bermoral
8. Masyarakat Arab Quraisy menentang penyebaran ajaran Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. kerana
- I Persamaan taraf.  
 II Mentaati pemimpin.  
 III Menghormati tetamu.  
 IV Kepercayaan berbeza.
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
9. Abdullah bin Arqat telah memberikan bantuan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan Abu Bakar ketika bersembunyi di Gua Thur. Apakah bentuk bantuan yang telah diberikan?
- A Mengawal keselamatan  
 B Mengintip kegiatan orang Quraisy  
 C Membekal barang keperluan  
 D Menjadi petunjuk jalan


10. Maklumat berikut berkaitan undang-undang Islam di Madinah.

Keadilan undang-undang Islam

Berdasarkan Piagam Madinah, apakah syarat ditetapkan sebelum menjatuhkan sesuatu hukuman.

- A baiah
- B saksi
- C syura
- D penjamin

- 11 Maklumat berikut menerangkan kejadian semasa Perang Siffin.




Rajah 1

Mengapakah Khalifah Ali berbuat demikian?

- A Mengekalkan kedaulatan negara
  - B Mementingkan pertahanan negara
  - C Pihak lawan telah mengangkat al-Quran
  - D Ramai kanak-kanak dan orang tua terkorban
- 12 Mengapakah catatan Ibn Battuta sangat dihargai oleh sejarawan?
- A Pengembara yang terkenal
  - B Tiada catatan yang lain
  - C Sumber utama
  - D Faktanya tepat

- 13 Peta berikut menunjukkan kerajaan-kerajaan Islam serantau.



Peta 2

Huraikan persamaan antara kerajaan Melayu Melaka, kerajaan Aceh, dan kerajaan Brunei.

- A Mengamalkan sistem pemerintahan beraja Hindu
- B Raja-raja menggunakan gelaran *Zilullah fil' Alam*
- C Menjadikan Islam sebagai agama rasmi kerajaan
- D Menggalakkan rakyat berjihad menentang penjajah

- 14 Gambar berikut menunjukkan batu nisan Malik Ibrahim, di Gerisik, Jawa.



Gambar 1

Namakan negara yang mempengaruhi pembuatan batu nisan tersebut?

- A Siam
- B Parsi
- C Aceh
- D Melaka

- 15 Pernyataan berikut merupakan aspek dalam undang-undang bertulis masyarakat Melayu.

Sultan dikecualikan daripada sebarang hukuman

Rumuskan aspek tersebut.

- A Sultan sebagai kuasa tertinggi dalam kerajaan  
B Sultan berhak menjatuhkan hukuman mati  
C Sultan dilindungi oleh hakim kerajaan  
D Sultan berhak memansuhkan undang-undang
- 16 Jelaskan sistem timbangan yang digunakan dalam perdagangan di Melaka untuk barangan berikut.

- Bunga cengkih
- Lada
- Buah pala

- A Tahl  
B Bahara  
C Gantang  
D Kati
- 17 Pernyataan berikut berkaitan dengan zaman Renaissance.

Gereja Katolik tidak bersedia menaungi ahli saintis dan matematik

Ulaskan tindakan tersebut.

- A Bimbang pemikiran dan kedudukan mereka dicabar  
B Tidak berpengetahuan dalam kaedah saintifik  
C Bimbang bandar Itali tercemar  
D Menyokong idea Renaissance

18 Jadual berikut merujuk kepada penjajahan barat.


Negara	Kuasa Penjajah
Tanah Melayu	British
Indonesia	Belanda
Filipina	Sepanyol

Jadual 3

Apakah implikasi imperialisme Barat terhadap negara-negara di Asia Tenggara?

- A Sistem Pendidikan Inggeris diperluaskan
  - B Ekonomi peribumi dimajukan
  - C Sistem pentadbiran Barat diwujudkan
  - D Persaingan antara kuasa-kuasa Barat menjadi perlahan
- 19 Mengapakah kegiatan ekonomi tradisional melibatkan ahli keluarga sahaja?
- A Penggunaan kaedah tradisional yang terhad
  - B Tidak wujud pembahagian kerja yang jelas
  - C Penggunaan modal yang besar
  - D Penggunaan tenaga manusia yang besar
- 20 British telah mewartakan Enakmen Pendaftaran Sekolah pada tahun 1920. Mengapakah pewartaan tersebut dibuat?
- A Menetapkan sukatan pelajaran baru bagi sekolah Inggeris
  - B Memberi peluang kepada rakyat untuk mendapat pendidikan tinggi
  - C Menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah
  - D Menyekat pengaruh komunis di sekolah Cina
- 21 Imperialis Barat telah memperkenalkan sistem birokrasi Barat di tanah jajahan mereka. Mengapakah sistem tersebut ditentang oleh penduduk tempatan?
- A Tanah penduduk dirampas
  - B Pengaruh golongan agama merosot
  - C Kegiatan ekonomi tradisional terjejas
  - D Pemimpin dan pembesar kehilangan kuasa


- 22 Rajah berikut menunjukkan pentadbiran peringkat tempatan di Filipina.



Rajah 2

Mengapakah sistem tersebut menimbulkan kebencian penduduk tempatan?

- I Kerahan tenaga
  - II Cukai yang tinggi
  - III Memelihara keamanan
  - IV Menggubal undang-undang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 23 Rajah berikut menunjukkan perubahan corak perjuangan nasionalisme di Asia Tenggara.



Rajah 3

Rumuskan perubahan tersebut.

- A Berlaku perang dingin
  - B Pembentukan blok kuasa dunia
  - C Perjuangan awal kurang berjaya
  - D Sumber kewangan tidak mencukupi
- 24 Haji Abdul Rahman Limbong telah menentang British di Terengganu. Mengapakah penentangan tersebut dilakukan?
- A Pemansuhan sistem cukai
  - B Pengenalan peraturan tanah
  - C Perlucutan jawatan pembesar
  - D Pengenalan pendidikan vernakular



25 Gerakan Islah dapat bergerak dengan baik di Negeri-Negeri Selat berbanding dengan Negeri-Negeri Melayu. Bagaimanakah British menyekat gerakan tersebut?

- A Mengugut pemimpin
- B Menghalang pendidikan
- C Menghalang kegiatan dakwah
- D Memansuhkan sekolah Melayu

26 Maklumat berikut tentang peperangan yang melibatkan Jerman pada abad ke-19.

- |                                                                                                                                                                   |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1864 – Perang dengan Denmark</li> <li>• 1866 – Perang dengan Austria</li> <li>• 1870 – Perang dengan Perancis</li> </ul> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Jelaskan kesan peperangan tersebut terhadap Jerman?

- A Pembentukan negara dan bangsa
- B Mengamal demokrasi berparlimen
- C Menggubal perlembagaan negara
- D Mengamal Institusi beraja

27 Maklumat berikut berkaitan undang-undang tubuh kerajaan Melayu.

- |                                                                                                                                           |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor</li> <li>• Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu</li> </ul> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Apakah persamaan kandungan undang-undang tersebut?

- A Raja mesti beragama Islam
- B Raja dipilih melalui sistem giliran
- C Mengekalkan sistem monarki
- D Cukai tanah dikuatkuasakan

28 Mengapakah British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu pada tahun 1946?

- A Mendapatkan sokongan penduduk tempatan
- B Menghapuskan negara dan bangsa Melayu
- C Mengurangkan kemasukan orang dagang
- D Mematuhi Perlembagaan 1941

- 29 Maklumat berikut berkaitan penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

Tarikh	Peristiwa
8 Februari 1946	Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British

Jadual 4

Mengapakah penyerahan tersebut ditentang oleh pemimpin dan persatuan kaum tempatan?

- A Penentangan Majlis Negeri
  - B Mengugut pembesar tempatan
  - C Penghapusan hak istimewa peribumi
  - D Mencanggahi Perlembagaan 1941
- 30 Pada tahun 1951, Dato' Onn bin Jaafar telah memberi cadangan agar keahlian UMNO dibuka kepada orang bukan Melayu. Mengapakah beliau memberi cadangan tersebut?
- A Menyekat pengaruh komunis
  - B Mewujudkan perpaduan kaum
  - C Mempertahankan hak peribumi
  - D Mengiktiraf peranan kaum imigran
- 31 Pernyataan berikut menunjukkan kejayaan Parti Perikatan dalam pilihan raya negeri pada tahun 1954.

Parti Perikatan telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi yang dipertandingkan.

Rumuskan pernyataan tersebut.


- A Penolakan ideologi komunis
- B Pengiktirafan hak istimewa peribumi
- C Permuafakatan kaum pelbagai parti diterima
- D Pengukuhan pengaruh golongan berhaluan kiri

- 32 Senarai berikut merupakan parti politik yang terdapat di Sarawak menjelang tahun 1960-an.

- |                                                                                                |
|------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• BERJASA</li> <li>• PESAKA</li> <li>• PANAS</li> </ul> |
|------------------------------------------------------------------------------------------------|

Apakah persamaan parti politik tersebut?

- A Penolakan ideologi komunis  
 B Penyertaan dalam Malaysia  
 C Permuafakatan kaum pelbagai parti  
 D Penentangan terhadap penjajahan British
- 33 Rajah berikut menunjukkan pembentukan Persekutuan Malaysia.



Rajah 4

Apakah kepentingan jawatankuasa tersebut?

- A Memperincikan referendum  
 B Menentukan dasar imigresen  
 C Mengumpulkan pandangan penduduk  
 D Membincangkan kepentingan bersama
- 34 Jadual berikut berkaitan dengan pindaan perlembagaan oleh Parlimen.

Kaedah Pindaan	Perkara Pindaan
X	Perkara-perkara yang tidak tersenarai dalam mana-mana tiga kaedah pindaan

Jadual 5

Apakah kaedah X?

- A Pertama  
 B Kedua  
 C Ketiga  
 D Keempat

35 Sistem Raja Berperlembagaan merupakan tonggak keagungan Kerajaan Malaysia. Apakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong?

- I Memanggil dan membubarkan Parlimen
  - II Mengisytiharkan undang-undang darurat
  - III Mempunyai hak membatalkan undang-undang
  - IV Menguruskan hal kewangan negara
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

36 Lagu kebangsaan negara kita digubah semula berdasarkan lagu *Terang Bulan*. Apakah kelebihan yang terdapat dalam lagu tersebut?

- A Menjelaskan perpaduan kaum
- B Mempunyai irama yang merdu
- C Mengandungi unsur kemelayuan
- D Mempunyai seni kata yang indah

37 Gambar berikut merupakan logo Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).



Apakah matlamat agensi tersebut?

- A Menstabilkan harga pasaran
- B Menggalakkan pelaburan modal asing
- C Merangsang penglibatan sektor swasta
- D Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar

38 Pernyataan berikut berkaitan cabaran keenam Wawasan 2020.

Membina masyarakat yang maju dan saintifik

Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai?

- A Penghayatan prinsip Rukun Negara
- B Penguasaan terhadap ilmu pengetahuan
- C Menghayati Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- D Mengukuhkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum

39 Jadual berikut berkaitan dasar luar Malaysia.

Dasar Luar Malaysia	Tahap 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar Pro-Barat</li> <li>• Dasar berbaik-baik dengan negara jiran</li> </ul>
	Tahap 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar Berkecuali</li> <li>• Dasar berbaik-baik dengan semua negara</li> </ul>

Jadual 6

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Perubahan pucuk kepimpinan
- B Penggantungan Malaysia kepada Britian
- C Peningkatan pertahanan negara
- D Persamaan ideologi

40 Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Malaysia pada tahun 1989 telah mengisytiharkan **Deklarasi Langkawi**.

Apakah persetujuan yang dicapai dalam deklarasi tersebut?

- A Menyelaraskan bantuan teknikal
- B Menyediakan dana pendidikan
- C Mengatasi masalah pencemaran
- D Membanteras penyalahgunaan dadah

**KERTAS SOALAN TAMAT**